

# KUBELA



YANG Sabrina ketika menyertai program mengambil data sampel spesies ikan buntal di perairan Malaysia.

## MENGGIGIT JIKA TERANCAM

Ikan buntal jadi agresif kalau kerap dipegang atau dibuat main

### FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my


Dengar sahaja ikan buntal, ramai yang gerun kerana memikirkan spesies haiwan ini memiliki racun yang boleh menyebabkan kematian. Sedangkan fakta tepat mengenai ikan buntal, racun itu hanya boleh menjejaskan keselamatan manusiaandainya dimakan.

Hal itu dikongsi pemilik akaun Instagram @justbefishy dan aktivis ikan berkenaan, Yang Sabrina Mior Azli yang aktif dalam

kegiatan menyelamatkan ikan buntal sejak empat tahun lalu.

Yang Sabrina lebih mesra dengan disapa Sabrina berkata, spesies ikan buntal seharusnya digeruni kerana memiliki gigi yang tajam dan kuat berbanding racun sebagai kaedah melindungi diri.

"Pengalaman sepanjang memelihara ikan buntal dan terbabit dalam misi menyelamatkan ikan ini, saya sarankan orang ramai lebih berhati-hati ketika mengendalikan ikan berkenaan.



**PALING** bernilai buntal kuning dari spesies 'Cross River Puffer'.

"Ikan buntal adalah spesies ikan beracun (poisonous), tetapi bukan berbisa (venomous) dan makanan di habitat semula jadinya adalah hidupan laut bercangkerang seperti ketam, udang, siput dan seangkatan dengannya.

"Tidak hairan kaedah sama iaitu ikan ini melindungi dirinya dengan cara menggigit apabila berasa terancam. Dalam kebanyakan kes menyelamatkan ikan buntal, saya berdepan keadaan ikan ini yang sangat agresif dan menyerang apa sahaja yang mendekatinya," katanya.

Menyentuh punca ikan buntal perlu diselamatkan, Sabrina yang juga ahli Pufferfish Enthusiasts Worldwide iaitu komuniti peminat ikan buntal sedunia berkata, ikan berkenaan sering menjadi barang mainan dan objek eksploitasi atau gimik kepada jualan produk di kedai ikan hiasan.

"Punca ikan buntal menjadi sangat agresif kerana ada segelintir kedai ikan dengan sengaja membiarkan ia kembung dan dibaling seperti belon atau bola angin.

"Ikan ini ciri-ciri fisiologinya atau semula jadinya kembung dan meluahkan air ke luar



**IKAN** buntal sering menjadi mainan kerana sifatnya mengembang apabila berasa terancam.

untuk kembali ke bentuk asal, tetapi dalam situasi ramai orang memegangnya di luar air menyebabkan ia hanya dapat menyedut udara serta tidak dapat kembali ke keadaan asal.

"Selain itu, ikan buntal tidak bersisik dan memiliki lapisan kulit yang lembut selain sebahagiannya berduri mengikut spesies tertentu. Bagi spesies ikan buntal yang memiliki kulit lembut ini, ia ada selaput bendalir yang melindunginya daripada bakteria.

"Jika ikan itu kerap dipegang dan dibuat main sehingga melukakan bahagian luar badannya,

secara tidak langsung ia menyebabkan ia menjadi buntal dan mula agresif dengan menggigit pemilik atau individu yang memegangnya.

"Dalam kerja menyelamatkan ikan buntal, saya mengelak untuk memegang bekas untuk tangkap atau 'ceduk' bersama air bagi mengelak ia menjadi agresif," katanya.

Kata Sabrina, selain itu untuk peminat ikan yang mahu memelihara ikan buntal, perlu kenali spesies dan memahami sifat semula jadi terutama habitat asalnya.

"Saya memiliki 13 ikan buntal dari pelbagai



**SPESIES** Green spotted pufferfish tempatan sering disalah faham mengenai habitatnya.

**Punca** ikan buntal menjadi sangat agresif kerana ada segelintir kedai ikan dengan sengaja membiarkan ia kembung dan dibaling seperti belon atau bola angin

## YANG SABRINA

spesies iaitu dari air tawar, air payau dan air masin. Di Malaysia sahaja spesies ikan buntal lebih 30 ditemui manakala seluruh dunia dijangka 300 spesies.

"Koleksi paling bernilai adalah Tetraodon pustulatus atau Cross river puffer dengan harga ketika ini mencecah RM10,000. Warna kuning dan tompok merah menyebabkan ikan buntal menjadi kegilaan peminatnya.

"Saya turut memiliki spesies ikan buntal unik seperti Hairy pufferfish

atau Pao bailey yang makan cacing tanah selain baka tempatan iaitu Green spotted pufferfish (Dichotomyctere nigroviridis).


"Meskipun ikan ini banyak ditemui di Malaysia dan negara jiran, masih ramai salah faham mengenai habitat asal ikan ini apabila memelihara dalam air tawar," katanya.

Katanya, setiap spesies ikan buntal adalah berbeza dari segi diet dan penjagaannya selain kebanyakannya tidak terima pelet.


"Disebabkan diet ikan buntal adalah hidupan bercangkerang, kena ada inisiatif untuk bela siput terutamanya selain cacing tanah sebagai sumber makanan.

"Satu lagi aspek penjagaan penting untuk ikan buntal ialah penjagaan giginya. Gigi ikan buntal perlu diasah dan jika terlalu panjang saya akan memotong sebagai langkah pencegahan.

"Jika gigi ikan buntal tumbuh terlalu panjang, haiwan ini tidak dapat makan dan akhirnya mati. Atas faktor itu perlu diberi sumber makanan yang keras seperti anak ketam, siput (contoh Ramshon snail) dan udang untuk asah gigi ikan terbabit," katanya.



**ALAT** untuk mengukur tahap garam dalam air penting dimiliki pemelihara ikan.



**YANG** Sabrina menggunakan bekas untuk mengendalikan ikan buntal.

FOTO | IHSAN YANG SABRINA MIOR AZLI